

**PENGARUH PERANAN GURU DAN IBU BAPA
TERHADAP PENCAPAIAN UPSR MURID DI
SEKOLAH-SEKOLAH PEDALAMAN SABAH
MENERUSI PROGRAM PENSIANGAN-SALINATAN**



**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN
SOSIAL**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

2012

**PENGARUH PERANAN GURU DAN IBU BAPA
TERHADAP PENCAPAIAN UPSR MURID DI
SEKOLAH-SEKOLAH PEDALAMAN SABAH
MENERUSI PROGRAM PENSIANGAN-SALINATAN**

NORHAYATI BINTI RAMLAN



**TESISINI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH SABAH**

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN
SOSIAL**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

2012

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : _____

_____IJAZAH : _____

_____SAYA : _____ SESI PENGAJIAN : _____
(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis *(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap: _____

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

TARIKH: _____

(NAMA PENYELIA)

TARIKH: _____

Catatan:

*Potong yang tidak berkenaan.

*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya.

18 Mac 2012

Norhayati Binti Ramli

PT 20088342



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN PENYELIA


NAMA : **NORHAYATI BINTI RAMLAN**

NO. PELAJAR : **PT 20088342**

TAJUK : **PENGARUH PERANAN GURU DAN IBU BAPA TERHADAP PENCAPAIAN UPSR MURID DI SEKOLAH-SEKOLAH PEDALAMAN SABAH MENERUSI PROGRAM PENSIANGAN-SALINATAN**

IJAZAH : **DOKTOR FALSAFAH
(PENGURUSAN PENDIDIKAN)**

TARIKH VIVA : **14 NOVEMBER 2012**



DISAHKAN OLEH
UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

1. PENYELIA

Prof. Madya Dr. Mohd Yusof Abdullah

Tandatangan

PENGHARGAAN

Bismi'llahir'rahmanir'rahim,

Alhamdulillah, setulus kesyukuran dipanjangkan ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala. Dengan keizinan-Mu jua Ya Allah, berakhir sudah penulisan ini. Setinggi-tinggi penghargaan buat penyelia, Prof. Madya Dr. Mohd Yusof bin Abdullah, jasa dan pengertian yang tidak putus-putus dicurahkan memberi makna dan inspirasi yang besar buat diri saya. Berkat bimbingan dan tunjuk ajar beliaulah penyelidikan ini berakhir dengan jayanya.

Setulus penghargaan turut didedikasikan buat semua pensyarah Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah, kakitangan bukan akademik dan rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberi toleransi dan tunjuk ajar sepanjang penulisan ini.

Buat ayahanda dan bonda tercinta Encik Ramlan Mohd Zain dan Puan Saffriah Brahim yang menjadi inspirasi utama dalam mencapai kejayaan dalam pendidikan, suami, keluarga serta rakan-rakan seperjuangan yang menjadi kekuatan dan ketabahan saya selama ini. Terima kasih kerana sentiasa berada di sisi, dan mendoakan kejayaan saya.

Seterusnya, buat mereka yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam memberi pertolongan, semangat dan nasihat, terima kasih setulusnya saya ucapkan. Sesungguhnya, jasa anda semua hanya Allah sahaja yang mampu membalaunya.

Wassalam.

Norhayati Ramlan
21 Disember 2012

ABSTRAK

PENGARUH PERANAN GURU DAN IBU BAPA TERHADAP PENCAPAIAN UPSR MURID DI SEKOLAH-SEKOLAH PEDALAMAN SABAH MENERUSI PROGRAM PENSIANGAN SALINATAN

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti pengaruh peranan guru dan ibu bapa yang menyertai Program Pensiangan-Salinatan di daerah Nabawan terhadap pencapaian murid dalam peperiksaan UPSR. Kajian ini juga bertujuan mengenal pasti pengaruh elemen profesionalisme keguruan dan penglibatan ibu bapa yang ditekankan menerusi program ini terhadap peranan masing-masing dalam proses pengajaran dan pembelajaran murid. Terdapat empat elemen profesionalisme keguruan yang ditinjau dalam kajian ini berdasarkan pengisian program iaitu aspek kandungan mata pelajaran, kemahiran mengajar, *indigenous pedagogy* dan motivasi diri. Manakala elemen penglibatan ibu bapa yang dikaji ada dua iaitu aspek kesedaran dan pengetahuan terhadap kepentingan pendidikan. Kajian tinjauan ini melibatkan sampel seramai 488 orang yang terdiri daripada tiga kelompok responden iaitu guru, ibu bapa dan murid Tahun Enam daripada 15 buah sekolah peserta Program Pensiangan-Salinatan daerah Nabawan tahun 2010. Variabel kajian telah diuji menggunakan statistik deskriptif dan inferens yang melibatkan ANOVA, korelasi Pearson, regresi linear serta regresi berganda (*stepwise*). Hasil kajian mendapati peranan guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran murid memberi pengaruh sebanyak 43.3% terhadap pencapaian UPSR sementara peranan ibu bapa pula menyumbang sebanyak 56.8%. Hal ini bermakna, di kawasan pedalaman peranan ibu bapa lebih dominan bagi mempengaruhi murid dalam pencapaian akademik. Di samping itu, analisis regresi mudah terhadap empat elemen profesionalisme keguruan mendapati keempat-empat elemen tersebut mempunyai pengaruh terhadap peranan guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran. *Indigenous pedagogy* merupakan penyumbang terbesar terhadap peranan guru iaitu sebanyak 12.7% diikuti komponen motivasi diri (11.7%), kemahiran mengajar (9.2%) dan aspek kandungan mata pelajaran (7%). Namun begitu, menerusi analisis regresi berganda (*stepwise*) didapati hanya elemen *indigenous pedagogy* sahaja yang menyumbang pengaruh secara signifikan terhadap peranan guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran iaitu sebanyak 12.7%. Hal ini bermakna elemen *indigenous pedagogy* amat penting diterapkan dalam kaedah pengajaran guru di kawasan pedalaman agar memudahkan murid menerima ilmu pengetahuan yang disampaikan secara berkesan. Manakala aspek kesedaran pula merupakan penyumbang terbesar terhadap peranan ibu bapa iaitu sebanyak 16.4% diikuti aspek pengetahuan hanyalah sebanyak 3.6%. Berdasarkan tinjauan yang telah dilakukan, Program Pensiangan-Salinatan relevan dalam membantu guru di pedalaman memantapkan tahap profesionalisme keguruan di samping menarik penglibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran murid agar kedua-dua pihak dapat memainkan peranan yang lebih berkesan dan seterusnya membantu menambahbaik pencapaian murid dalam UPSR. Walau bagaimanapun, pengisian program ini perlu diperbaiki dengan memfokuskan kepada pemantapan penerapan kaedah *indigenous pedagogy* dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah dan penglibatan ibu bapa menerusi pendekatan yang lebih efektif.

ABSTRACT

The main purpose of this study is to identify the influence of the role of teachers and parents who participated in the Pensiangan-Salinatan Programme in the district of Nabawan on the achievement of students in the UPSR. This study also aims to identify the influence of teacher professionalism elements and the involvement of parents that were emphasised through this program for their respective roles in the process of teaching and learning. There are four elements of teacher professionalism that are surveyed in this study based on the programme content which are subject contents, teaching skills, indigenous pedagogy and self-motivation. Meanwhile the element of parental involvement consist of two aspects which are awareness and knowledge of the importance of education. The survey involved a sample of 488 people consisting of three groups of respondents who were teachers, parents and Year Six students of the 15 participating schools in the Pensiangan-Salinatan Programme in the district of Nabawan in 2010. Study variables were tested using descriptive and inferential statistics involving ANOVA, Pearson correlation, linear regression and multiple regression (stepwise). The study found that the role of teachers in the teaching and learning process had 43.3% of influence over the UPSR achievement while the role of parents contributed another 56.8%. This means that in rural areas, the simple regression analysis of the four elements of teacher professionalism found these four elements have an influence on the role of teachers in the teaching and learning process. Indigenous pedagogy is the largest contributor to the role of a teacher, which is represented by 12.7% followed by self-motivation component (11.7%), teaching skills (9.2%) and subject contents (7%). However, multiple regression analysis (stepwise) found that only indigenous pedagogic element contribute significantly to the influence of the role of teachers in the teaching and learning process by as much as 12.7%. This means that indigenous pedagogy is highly important to be applied in teaching methods in rural areas to effectively facilitate the students in obtaining knowledge. Meanwhile the greatest contributor for the awareness aspect is the role of parents which is 16.4%, followed by the knowledge aspect which is only 3.6%. Based on the survey done, the Pensiangan-Salinatan Programme is relevant in helping teachers in the rural enhance their level of professionalism as well as attract the involvement of parents in students' learning activities so that both teachers and parents can play a more effective role in helping to improve establishing the application of indigenous pedagogy in teaching and learning in the classroom and parental involvement through a more effective approach.

KANDUNGAN

	Halaman
Pengakuan Calon	i
Pengesahan	ii
Penghargaan	iii
Abstrak Kajian	iv
Abstrak (Bahasa Inggeris)	v
Kandungan	vi
Senarai Jadual	xii
Senarai Rajah	xvii
Senarai Singkatan	xviii
BAB 1: PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.2.1 Program Pensiang-Salinatan	13
1.3 Pernyataan Masalah	17
1.4 Objektif Kajian	21
1.4.1 Objektif Am	21
1.4.2 Objektif Khusus	21
1.5 Soalan Kajian	22
1.6 Hipotesis Kajian	23
1.7 Kepentingan Kajian	25
1.8 Batasan Kajian	28



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

1.9	Definisi Operasional	30
1.9.1	Profesionalisme Keguruan	30
1.9.2	Penglibatan Ibu Bapa	31
1.9.3	Proses Pengajaran dan Pembelajaran Murid	32
1.9.4	Pencapaian Akademik Murid	32
1.9.5	Sekolah di Kawasan Pedalaman	32
1.10	Kerangka Konseptual Kajian	33
1.11	Kesimpulan	34
BAB 2: SOROTAN LITERATUR		36
2.1	Pengenalan	36
2.2	Pencapaian Akademik Murid	36
2.3	Program-program Peningkatan Akademik Murid Pedalaman Dalam dan Luar Negara	50
2.3.1	Program MUSANG dan COMIC	50
2.3.2	Program Ai Kitai	52
2.3.3	Projek READ	53
2.3.4	Program Enhance Rural Teacher Training	54
2.3.5	Projek CREST	55
2.4	Profesionalisme Guru Terhadap Proses Pengajaran dan Pembelajaran	56
2.5	Peranan Guru Terhadap Pencapaian Akademik Murid	75
2.6	Penglibatan Ibu Bapa dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran	95
2.7	Peranan Ibu Bapa Terhadap Pencapaian Akademik Murid	109
2.8	Hubungan dan Pengaruh Peranan Guru dan Ibu Bapa Terhadap Pencapaian Akademik Murid	122
2.9	Kesimpulan	132
BAB 3: METODOLOGI KAJIAN		134
3.1	Pengenalan	134


3.2	Reka Bentuk Kajian	134
3.3	Populasi Kajian	137
3.4	Sampel Kajian	138
3.5	Instrumen Kajian	141
3.5.1	Borang Soal Selidik	141
	a. Borang Soal Selidik Guru	141
	b. Borang Soal Selidik Ibu Bapa	144
	c. Borang Soal Selidik Murid	145
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan Alat Pengukuran Kajian	146
3.7	Kajian Rintis	148
3.7.1	Kebolehpercayaan <i>Alpha Cronbach</i> dan Ujian Normaliti	149
3.7.2	Analisis Faktor	151
3.8	Prosedur Pengumpulan Data	166
3.9	Analisis Data	166
3.9.1	Analisis Deskriptif	168
3.9.2	Analisis Inferens	168
3.10	Kesimpulan	170
BAB 4: DAPATAN KAJIAN	UNIVERSITI MALAYSIA SABAH	172
4.1	Pengenalan	172
4.2	Profil Responden	172
4.3	Analisis Responden	173
4.3.1	Analisis Responden Guru	173
4.3.2	Analisis Responden Ibu Bapa	174
4.3.3	Analisis Responden Murid	175
4.4	Analisis Kenormalan Taburan Skor Data	175
4.4.1	Taburan Skor Profesionalisme Keguruan	176
4.4.2	Taburan Skor Penglibatan Ibu Bapa	177
4.4.3	Taburan Skor Peranan Guru dan Ibu Bapa dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran	178

4.5	Tahap Pencapaian UPSR, Profesionalisme Keguruan, Penglibatan Ibu Bapa, Peranan Guru, dan Peranan Ibu Bapa dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran	178
4.5.1	Pencapaian UPSR Sekolah-sekolah Program Pensiangan- Salinatan 2010	178
4.5.2	Pemeringkatan Tahap Profesionalisme Keguruan dan Peranan Guru dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran	179
4.5.3	Pemeringkatan Tahap Penglibatan Ibu Bapa dan Peranan Ibu Bapa dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran	180
4.5.4	Pemeringkatan Tahap Peranan Guru dan Tahap Peranan Ibu Bapa dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Menurut Persepsi Murid	181
4.6	Mengenal Pasti Perbezaan Peranan Guru Dan Peranan Ibu Bapa dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Berdasarkan Ciri-Ciri Demografi	182
4.7	Mengenal Pasti Hubungan Profesionalisme Keguruan dan Penglibatan Ibu Bapa dengan Peranan Masing-Masing Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran	188
4.8	Mengenal Pasti Pengaruh Konten Mata Pelajaran, Kemahiran Mengajar, <i>Indigeneous Pedagogy</i> , Dan Motivasi Diri Terhadap Peranan Guru dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Menurut Persepsi Guru	191
4.9	Mengenal Pasti Pengaruh Aspek Kesedaran dan Pengetahuan Terhadap Peranan Ibu Bapa dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Menurut Persepsi Ibu Bapa	198
4.10	Mengenal Pasti Pengaruh Peranan Guru dan Peranan Ibu Bapa dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Menurut Persepsi Murid Terhadap Pencapaian UPSR	203
4.11	Kesimpulan	207
BAB 5: RUMUSAN, PERBINCANGAN, DAN CADANGAN		209
5.1	Pengenalan	209
5.2	Ringkasan Kajian	209
5.3	Rumusan Dapatan Kajian	211
5.4	Perbincangan Kajian	214
5.4.1	Tahap Profesionalisme Keguruan	214

5.4.2	Tahap Peranan Guru dalam Proses Pembelajaran Murid	221
5.4.3	Tahap Penglibatan Ibu Bapa	222
5.4.4	Tahap Peranan Ibu Bapa dalam Proses Pembelajaran Murid	226
5.4.5	Tahap Peranan Guru dalam Pembelajaran Murid Menurut Persepsi Murid	227
5.4.6	Tahap Peranan Ibu Bapa dalam Proses Pembelajaran Murid Menurut Persepsi Murid	229
5.4.7	Perbezaan Peranan Guru Dan Peranan Ibu Bapa dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Berdasarkan Ciri-Ciri Demografi <ul style="list-style-type: none"> a. Perbezaan Peranan Guru Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Berdasarkan Jantina, Umur, Tempoh Berkhidmat dan Kekerapan Menghadiri Kursus b. Perbezaan Peranan Ibu Bapa Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Pelajar Berdasarkan Jantina, Umur, Tahap Pendidikan dan Pekerjaan 	232
5.4.8	Hubungan Profesionalisme Keguruan dan Penglibatan Ibu Bapa dengan Peranan Masing-masing dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Murid <ul style="list-style-type: none"> a. Hubungan Profesionalisme Keguruan, Setiap Komponen Profesionalisme Keguruan dengan Peranan Guru dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Menurut Persepsi Guru b. Hubungan Penglibatan Ibu Bapa, Setiap Komponen Penglibatan Ibu Bapa dengan Peranan Ibu Bapa dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Menurut Persepsi Ibu Bapa 	236
5.4.9	Pengaruh Kandungan Mata Pelajaran, Kemahiran Mengajar, <i>Indigeneous Pedagogy</i> dan Motivasi Diri Terhadap Peranan Guru dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Murid Menurut Persepsi Guru	241
5.4.10	Pengaruh Aspek Kesedaran dan Pengetahuan Ibu Bapa Terhadap Peranan Ibu Bapa Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Murid Menurut Persepsi Ibu Bapa	249
5.4.11	Pengaruh Peranan Guru dan Peranan Ibu Bapa dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Pelajar Menurut Persepsi Pelajar Terhadap Pencapaian UPSR	250
5.5	Implikasi Kajian	257
5.6	Cadangan	262
5.7	Kesimpulan	269

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1. Pencapaian UPSR Sekolah Rendah di bawah Program Pensiang-Salinatan Daerah Nabawan 2004-2010 Berdasarkan Gred Purata Sekolah (GPS)	20
Jadual 2.2 Objektif Penglibatan Ibu bapa dalam <i>Six Slices of Parental Involvement</i>	99
Jadual 3.1 Populasi Kajian	134
Jadual 3.2 Peserta Program Program Pensiang-Salinatan 2010	139
Jadual 3.3 Jumlah Murid yang Menduduki UPSR 2010	140
Jadual 3.4 Kandungan Soal Selidik Guru	143
Jadual 3.5 Kandungan Soal Selidik Ibu Bapa	145
Jadual 3.6 Kandungan Soal Selidik Murid	146
Jadual 3.7 Keputusan Kajian Rintis	150
Jadual 3.8  KMO dan Bartlett's Test Profesionalisme Keguruan	152
Jadual 3.9  <i>Communalities</i> Profesional Keguruan	153
Jadual 3.10 <i>Total Variance Explained</i> Profesionalisme Keguruan	154
Jadual 3.11 <i>Rotated Component Matrix</i> Profesionalisme Keguruan	155
Jadual 3.12 KMO dan Bartlett's Test Peranan Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran	155
Jadual 3.13 <i>Communalities</i> Peranan Guru dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran	156
Jadual 3.14 <i>Total Variance Explained</i> Peranan Guru dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran	157
Jadual 3.15 <i>Rotated Component Matrix</i> Peranan Guru dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran	157
Jadual 3.16 KMO dan Bartlett's Test Penglibatan Ibu Bapa	158
Jadual 3.17: <i>Communalities</i> Penglibatan Ibu Bapa	158

Jadual 3.18	<i>Total Variance Explained</i> Penglibatan Ibu Bapa	159
Jadual 3.19	<i>Rotated Component Matrix</i> Penglibatan Ibu Bapa	159
Jadual 3.20	KMO dan Bartlett's Test Peranan Ibu Bapa	160
Jadual 3.21	<i>Communalities</i> Peranan Ibu Bapa	160
Jadual 3.22	<i>Total Variance Explained</i> Peranan Ibu Bapa	161
Jadual 3.23	<i>Rotated Component Matrix</i> Peranan Ibu Bapa	161
Jadual 3.24	KMO dan Bartlett's Test Peranan Guru (Persepsi Murid)	162
Jadual 3.25	<i>Communalities</i> Peranan Guru (Persepsi Murid)	162
Jadual 3.26	<i>Total Variance Explained</i> Peranan Guru (Persepsi Murid)	163
Jadual 3.27	<i>Rotated Component Matrix</i> Peranan Guru (Persepsi Murid)	163
Jadual 3.28	KMO dan Bartlett's Test Peranan Ibu Bapa (Persepsi Murid)	164
Jadual 3.29	<i>Communalities</i> Peranan Ibu Bapa (Persepsi Murid)	164
Jadual 3.30	<i>Total Variance Explained</i> Peranan Ibu Bapa (Persepsi Murid)	165
Jadual 3.31	<i>Rotated Component Matrix</i> Peranan Ibu Bapa (Persepsi Murid)	166
Jadual 3.32	Analisis Statistik Berdasarkan Objektif dan Hipotesis Kajian	167
Jadual 3.33	Julat Hubungan <i>Pearson</i>	169
Jadual 3.34	Kekuatan Pengaruh	170
Jadual 4.1	Taburan Responden Guru Mengikut Ciri Demografi ($n=91$)	173
Jadual 4.2	Taburan Responden Ibu Bapa Mengikut Ciri Demografi ($N=86$)	175
Jadual 4.3	Taburan Responden Murid Mengikut Jantina ($N=311$)	175

Jadual 4.4	Min, Sisihan Piawai, Kepencongan dan <i>Kurtosis</i> untuk Skor Soal Selidik Guru ($N=91$)	177
Jadual 4.5	Min, Sisihan Piawai, Kepencongan dan <i>Kurtosis</i> untuk Skor Soal Selidik Ibu Bapa ($N=86$)	177
Jadual 4.6	Min, Sisihan Piawai, Kepencongan dan Kurtosis untuk Skor Soal Selidik Murid ($N=311$)	178
Jadual 4.7	GPS Sekolah Program Pensiangan-Salinatan	179
Jadual 4.8	Tahap Profesionalisme Keguruan ($N=91$)	179
Jadual 4.9	Tahap Peranan Guru dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran ($N=91$)	180
Jadual 4.10	Tahap Penglibatan Ibu Bapa ($N=86$)	180
Jadual 4.11	Tahap Peranan Ibu Bapa dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran ($N=86$)	181
Jadual 4.12	Tahap Peranan Guru dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Menurut Persepsi Murid ($N=311$)	181
Jadual 4.13	Tahap Peranan Ibu Bapa dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Menurut Persepsi Murid ($n=311$)	182
Jadual 4.14	Perbezaan Peranan Guru dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Berdasarkan Jantina	182
Jadual 4.15	Perbezaan Peranan Guru dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Berdasarkan Umur	183
Jadual 4.16	Perbezaan Peranan Guru dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Murid Berdasarkan Tempoh Berkhidmat	184
Jadual 4.17	Post Hoc Turkey Perbezaan Peranan Guru dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Murid Mengikut Tempoh Berkhidmat	184
Jadual 4.18	Perbezaan Peranan Guru dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Murid Mengikut Kekerapan Menghadiri Kursus	185
Jadual 4.19	Peranan Ibu Bapa dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Murid Berdasarkan Jantina	186
Jadual 4.20	Peranan Ibu Bapa dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Murid Berdasarkan Umur	186

Jadual 4.21	Perbezaan Peranan Ibu Bapa dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Berdasarkan Tahap Pendidikan	187
Jadual 4.22	Perbezaan Peranan Ibu Bapa dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Berdasarkan Pekerjaan	187
Jadual 4.23	Hubungan Profesionalisme Keguruan dengan Peranan Guru dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran	188
Jadual 4.24	Hubungan Aspek Konten Mata Pelajaran, Kemahiran Mengajar, <i>Indigenous Pedagogy</i> , dan Motivasi Diri dengan Peranan Guru dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran	189
Jadual 4.25	Hubungan Peranan Ibu Bapa dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran dengan Penglibatan Ibu Bapa	189
Jadual 4.26	Hubungan Aspek Kesedaran dengan Peranan Ibu Bapa Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran	190
Jadual 4.27	Hubungan Aspek Pengetahuan dengan Peranan Ibu Bapa Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran	190
Jadual 4.28	Analisis Varians (<i>ANOVA</i>)	191
Jadual 4.29	Analisis Regresi Aspek Kandungan Mata pelajaran Terhadap Peranan Guru dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran ($n=91$)	191
Jadual 4.30	Analisis Varians (<i>ANOVA</i>)	192
Jadual 4.31	Analisis Regresi Kemahiran Mengajar Terhadap Peranan Guru dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran ($n=91$)	193
Jadual 4.32	Analisis Varians (<i>ANOVA</i>)	194
Jadual 4.33	Analisis Regresi <i>Indigenous Pedagogy</i> Terhadap Peranan Guru dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran ($n=91$)	194
Jadual 4.34	Analisis Varians (<i>ANOVA</i>)	195
Jadual 4.35	Analisis Regresi Motivasi Diri Terhadap Peranan Guru dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Murid ($n=91$)	195
Jadual 4.36	Analisis Varians (<i>ANOVA</i>)	197

Jadual 4.37	Analisis Regresi Berganda Komponen Profesionalisme Keguruan Terhadap Peranan Guru dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Murid ($n=91$)	197
Jadual 4.38	Analisis Varians (<i>ANOVA</i>)	199
Jadual 4.39	Analisis Regresi Kesedaran Terhadap Peranan Ibu bapa dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran ($n=86$)	199
Jadual 4.40	Analisis Varians (<i>ANOVA</i>)	200
Jadual 4.41	Analisis Regresi Pengetahuan Terhadap Peranan Ibu bapa dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Murid ($n=86$)	201
Jadual 4.42	Analisis Varians (<i>ANOVA</i>)	201
Jadual 4.43	Analisis Regresi Berganda Komponen Penglibatan Ibu Bapa Terhadap Peranan Ibu Bapa dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran ($n=86$)	202
Jadual 4.44	Analisis Varians (<i>ANOVA</i>)	203
Jadual 4.45	Analisis Regresi Peranan Guru Terhadap Pencapaian UPSR ($N=311$)	204
Jadual 4.46	Analisis Varians (<i>ANOVA</i>)	205
Jadual 4.47	Analisis Regresi Peranan Ibu Bapa Terhadap Pencapaian UPSR ($n=311$)	205
Jadual 4.48	Analisis Varians (<i>ANOVA</i>)	206
Jadual 4.49	Analisis Regresi Berganda Peranan Guru dan Peranan Ibu Bapa dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Menurut Persepsi Murid Terhadap Pencapaian UPSR ($N=311$)	207

SENARAI RAJAH

	Halaman	
Rajah 1.1	Jurang Pencapaian Antara Negeri dalam Peperiksaan	4
Rajah 1.2	Kerangka Konseptual Pengaruh Peranan Guru dan Ibu Bapa Terhadap Pencapaian UPSR Murid Pedalaman Sabah	33
Rajah 2.1	Model Sekolah Mesra Keluarga Untuk Kejayaan Akademik	39
Rajah 2.3	Model Konsep Guru Profesional	57
Rajah 2.4	Model Tingkah Laku Guru Berkesan	78
Rajah 2.5	Model Konseptual Pelaksanaan dan Pengurusan Peranan Ibu bapa dalam Program Akademik Sekolah	111



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

IPGM	Institut Pendidikan Guru Malaysia
PPK	Pengetahuan Pedagogikal Kandungan
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
BPPDP	Bahagian Pembangunan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
PIBG	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
JPNS	Jabatan Pelajaran Negeri Sabah
IPTA	Institusi Pendidikan Tinggi Awam
KPLI	Kursus Perguruan Lepasan Ijazah
KDPM	Kursus Diploma Perguruan Malaysia
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Pelancaran Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 mencetuskan fenomena baru dunia pendidikan di negara ini dalam usaha untuk mengangkasakan industri pendidikan bertaraf dunia. Pendidikan bertaraf dunia bermaksud tahap pendidikan menunjukkan perkembangan dan kemajuan pesat serta dinamis pendidikan negara ini, khususnya dari segi kualiti, kuantiti, standard dan kecemerlangan yang diakui dan diterima di peringkat antarabangsa (Abdul Rahim, 2000). Teras keempat PIPP 2006-2010 **"merapatkan jurang pendidikan"** merupakan terma yang penting untuk menambahbaik kualiti pendidikan yang diterima oleh semua lapisan rakyat bagi menjamin kecemerlangan dan mencapai standard yang diharapkan terutamanya kepada murid yang tinggal di kawasan pedalaman. Teras ini bukan sahaja penting dalam memperkasa sistem pendidikan di negara ini tetapi juga memenuhi konsep pendemokrasian pendidikan iaitu penyediaan peluang pendidikan untuk semua tanpa mengira etnik, latar belakang, status sosioekonomi dan geografi (Hussein, 2003).

Pada tahun 2009, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM3.62 billion di bawah bantuan persekolahan (KPM, 2009) bertujuan untuk penambahbaikan kemudahan pendidikan di kawasan luar bandar dan pedalaman seluruh negara. Peruntukan kewangan yang bukan sedikit ini merupakan manifestasi keprihatinan kerajaan terhadap usaha-usaha yang menjurus ke arah merapatkan jurang pendidikan. Fokus Kementerian Pelajaran Malaysia untuk merapatkan jurang pendidikan antara lokasi adalah tepat kerana masih terdapat banyak sekolah di negara ini yang terletak di kawasan pedalaman dan sering merekodkan prestasi murid dalam peperiksaan yang kurang memberangsangkan jika dibandingkan dengan murid di kawasan bandar.

Usaha bagi merapatkan jurang pendidikan antara lokasi sangat penting kerana secara umumnya kawasan pedalaman masih jauh ketinggalan daripada semua aspek termasuk prasarana dan tenaga guru yang terlatih (Arnold, 2000; Sinagatullin, 2001; Reeves, 2003; *American Association School Administrator*, 2004; Kreuz, 2005; Conco, 2005; PIPP, 2007; Muhidin, 2008) yang kemudiannya memberi impak terhadap prestasi akademik di lokasi tersebut. Sama ada di Malaysia maupun negara-negara lain di dunia, kawasan pedalaman sering ketinggalan dalam prestasi akademik berbanding kawasan bandar. Merujuk kepada konteks negara Malaysia, negeri Sabah merupakan antara negeri yang terbanyak memiliki sekolah yang terletak di kawasan pedalaman (PIPP, 2007) dan secara tidak langsung senario ini memberi impak yang besar terhadap prestasi peperiksaan di negeri ini secara keseluruhannya (Muhiddin, 2008). Justeru, pelbagai program pembangunan pendidikan dilaksanakan di negeri ini agar dapat mengurangkan jurang pendidikan antara lokasi dan seterusnya memperbaiki pencapaian akademik murid. Selain daripada membangunkan infrastruktur dan prasarana pendidikan, program khas turut dirangka bagi menambahbaik akses kepada pendidikan dalam kalangan warga pedalaman. Salah satu program yang dilaksanakan bagi menambahbaik landskap pendidikan di kawasan pedalaman adalah Program Pensiangan-Salinatan. Program ini merupakan suatu program khas Kementerian Pelajaran Malaysia yang dikelolakan oleh Bahagian Pendidikan Guru di bawah seliaan Institut Pendidikan Guru Malaysia yang bertujuan meningkatkan prestasi peperiksaan UPSR murid kawasan pedalaman (IPGM Keningau, 2008).

1.2 Latar Belakang Kajian

Pencapaian peperiksaan khususnya dalam UPSR di negeri Sabah masih berada pada tahap yang agak rendah jika dibandingkan dengan negeri lain di seluruh Malaysia. Misalnya tahun 2008 murid-murid yang mendapat 7A dan 5A hanya 2.10 peratus, manakala pencapaian di atas tahap penguasaan minimum (A, B, dan C) cuma sebanyak 43.16 peratus daripada 45,413 murid yang mengambil peperiksaan tersebut (JPNS, 2008). Malah terdapat sebanyak 24 buah sekolah di negeri ini tidak mencapai tahap penguasaan minimum (A, B, dan C) iaitu 0 peratus dalam UPSR tahun yang sama (JPNS, 2008). Pada tahun 2009 pula, hanya sebanyak 2.01 peratus daripada 45,424 murid yang menduduki UPSR di Sabah mendapat 7A dan

5A, sementara pencapaian di atas tahap penguasaan minimum (A,B, dan C) sebanyak 42.76 peratus sahaja (JPNS, 2009). Selain itu, daripada keseluruhan murid yang mengambil peperiksaan tersebut jumlah murid yang dikategorikan sebagai ‘menguasai dan tidak (A-E)’ berjumlah 21,461 orang di samping 4,541 murid lagi diklasifikasikan sebagai ‘belum menguasai (7/5DE)’ (JPNS, 2009). Bilangan sekolah yang tidak mencapai tahap penguasaan minimum iaitu 0 peratus telah meningkat kepada 28 buah sekolah (JPNS, 2009).

Tahap pendidikan di negeri ini masih ketinggalan berbanding negeri yang lain kerana 72 peratus sekolah di Sabah terletak di kawasan luar bandar (Muhiddin, 2008) dan daripada peratusan tersebut termasuklah 522 buah sekolah rendah yang dikategorikan sebagai sekolah pedalaman (Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2000). Rajah 1.1 menunjukkan kedudukan pencapaian peperiksaan negeri Sabah berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia pada tahun 2010. Berdasarkan rajah tersebut didapati Sabah berada pada kedudukan terakhir antara semua negeri dan mempunyai jurang yang ketara jika dibandingkan dengan Wilayah Persekutuan Putrajaya yang berada di tangga teratas. Terdapat hampir 20 peratus mata perbezaan dalam gred purata UPSR antara negeri yang berprestasi tinggi seperti Johor dan negeri berprestasi paling rendah rendah iaitu Sabah (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, 2012).

Menurut Muhiddin (2008) kebanyakan keluarga di kawasan pedalaman Sabah terdiri daripada keluarga yang miskin dan ibu bapa pula tidak memiliki latar belakang pendidikan yang tinggi. Berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh Unit Perancangan Ekonomi Negeri Sabah (2008), negeri Sabah ketika ini menghadapi kadar kemiskinan tertinggi berbanding dengan semua negeri di Malaysia. Pada tahun 2004, sejumlah 23 peratus daripada keluarga di negeri ini berada di bawah garis kemiskinan. Sementara itu, 6.5 peratus keluarga di Sabah berada dalam **kategori “kemiskinan tegar”**. Daerah pedalaman Nabawan merupakan kawasan yang tertinggi kadar kemiskinan iaitu antara 58.3-70.8 peratus berbanding dengan kawasan lain. Terdapat kajian sebelum ini yang menyatakan bahawa kemiskinan adalah salah satu punca utama kecinciran murid (BPPDP, 1996; Faridah *et al.*, 2005; Schaefer, 2009).